

Maritim Malaysia, DOF rampas ambai, set belat tanpa lesen

H/M 29/7/24 pg 8

Shah Alam: Ambai dirampas selain set belat haram disita dalam Op Hurricane Bersepadu di perairan Kuala Langat membabitkan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor dan Jabatan Perikanan (DOF) Selangor pada Khamis dan Jumaat lalu.

Pengarah Maritim Selangor Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, dalam operasi itu, pihaknya merampas beberapa unit ambai disyaki tiada lesen.

“Rampasan disiasat mengikut Seksyen 11 (3) (b) Akta Perikanan 1985 iaitu di bawah kawalan atau milikannya peralatan menangkap ikan tanpa le-

sen.

“Dalam operasi di perairan Kuala Langat ini juga, beberapa set belat haram yang dipasang di sepanjang perairan turut ditemukan dan disita.

“Kesalahan ini mengikut Seksyen 11 (3) (c) Akta Perikanan 1985 iaitu memasang peralatan menangkap ikan (belat) tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia,” katanya, semalam.

Katanya, operasi bersepadu bersama DOF bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan komuniti nelayan terhadap pematuhan undang-undang dan hal ehwal pelesenan seperti termaktub dalam Akta Perikanan 1985.



AMBAI dirampas dan set belat haram disita dalam Op Hurricane Bersepadu membabitkan Maritim Malaysia dan DOF.

Op Hurricane Bersepadu dijalankan di perairan Kuala Langat